

ABSTRAK

Dasar perlembagaan Indonesia yang memiliki pelbagai komuniti, termasuk pluralism keagamaan, adalah merujuk kepada kepentingan majoriti, tanpa menjejaskan prinsip kosmopolit dan asas egalitarianism ke atas komuniti lain. Mekanisme politik sosial-kultur ini tentu menguntungkan umat Islam, sehingga peruntukan perundangan telah mengesahkan wujudnya Peradilan Agama Islam dan aturan Kompilasi Hukum Islam sebagai rujukan hakim dalam menyelesaikan perkara berkenaan nikah, waris, hibah, infaq dan sadaqah, tidak termasuk *hudud* dan *qisās* atau kes-kes lain yang di bawah kuasa mahkamah sivil.

Masalahnya, akta berkenaan tidak mengatur klasifikasi *gender* dalam hal perlantikan hakim, sehingga dari 312 Peradilan Agama yang memiliki 2087 hakim, 14.8 % atau 309 orang di antaranya adalah wanita, berbanding 85.2 % atau 1778 lelaki. Padahal status hakim wanita masih menjadi polemik, bahkan negara yang majoriti berpenduduk Islam pun tidak mengesahkan perlantikan hakim wanita di mahkamah Syariah merujuk pada kesepakatan *jumhūr* ulama.

Tulisan ini mengkaji tentang gambaran Peradilan Agama di Indonesia, aspek-aspek hukum dan farwa yang melatarbelakanginya serta pemaparan konsep reinterpretasi *ijtihād* dalam perspektif pembaharuan sebagai dasar hukum yang membolehkan wujudnya perlantikan hakim wanita di Indonesia.

ABSTRACT

The Indonesian principal of constitution which comprise of various communities, including religious pluralism are based towards majority importance without affecting cosmopolitan principals and egalitarianism towards other communities. This political social culture mechanism will surely benefit the Muslims as allocated law and recognised the existence of Islamic Religious Justice and Islamic Law Compilation procedure as a reference for judges in addressing issues pertaining to marriage, heir, hibah, infaq and sadaqah, not including hudud and qisas or other cases under the jurisdiction of the civil court.

Problem is, the said act did not address the gender classification pertaining to the appointment of judges, whereby out of 2087 judges from 312 Religious Justice Department, 14.8% or 309 are women as compared to 85.2% or 1778 men. The status of women judges is still polemic, and in countries where the majority of its population are Muslim, still doesn't recognised the appointment of women judges in Syariah Court.

This is an analysis of Religious Justice in Indonesia, aspect of laws, Islamic legal ruling (fatwa) and also the concept of *ijtihad* reinterpretation in a new perspective as a base of law to enable the appointment of women judges in Indonesia.